

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
SIJIL PENGAJIAN AL-QUR'AN**

MODUL IV

AL-QUR'AN & PEMBINAAN MASYARAKAT IV

JANUARI 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

Arahan : Sila Jawab **SATU** Soalan Sahaja

Soalan 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan jamaah? Berikan dalil tentang jamaah yang terdapat dalam al-Quran?
- b) Apakah asas yang membina ummah dalam umat Islam? Berikan dalil tentang asas tersebut daripada al-Quran dan Hadis.

[25 Markah]

Soalan 2

- a) Bagaimanakah falsafah masyarakat yang terdapat dalam al-Quran?
- b) Bagaimanakah ciri-ciri umat Islam?

[25 Markah]

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN**

MODUL IV

AL-QURAN & PEMBINAAN MASYARAKAT

OGOS 2016

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

Arahan : Sila Jawab SATU Soalan Sahaja

Soalan Pertama

(1) Huraikan falsafah masyarakat menurut Al-Quran.

(3 markah)

(2) Apakah ciri-ciri masyarakat Islam dan apakah tuntutan-tuntutan bagi merealisasikan ciri-ciri masyarakat tersebut?

(7 markah)

(3) Islam melihat kewujudan masyarakat lain yang berbeza-beza agama dan bangsa merupakan satu sunnatullah ke atas hamba-hambanya. Bagaimanakah anjuran Al-Quran dalam menjalin hubungan dengan masyarakat lain?

(5 markah)

(4) Kecemerlangan hidup dunia dan akhirat sememangnya menjadi ciri utama umat Islam

sebenarnya. Ini kerana, umat Islam memiliki keistimewaan lantas menjadikan soal kecemerlangan sebagai satu matlamat yang harus dicapai. Apakah ciri-ciri keistimewaan umat Islam sebagaimana yang disebutkan di dalam Al-Quran?

(4 markah)

(5) Jelaskan prasyarat untuk meraih pertolongan Allah terhadap masyarakat Islam menurut Al-Quran.

(3 markah)

(6) Hubungan kemanusiaan dalam masyarakat dilaksanakan berdasarkan kemuliaan manusia serta keadilan. Nyatakan konsep kemuliaan manusia (*al-Karamah*) dan keadilan (*al-'Adalah*).

(3 markah)

[25 Markah]

Soalan Kedua

(1) Masyarakat madani adalah masyarakat yang menekankan kerjasama dan kasih sayang sesama manusia. Bincangkan garis panduan kerjasama yang dianjurkan dalam Al-Quran serta konsep kasih sayang menurut Al-Quran.

(4 markah)

(2) Pembinaan keluarga merupakan pembangunan satu kelompok kecil ke arah pembinaan masyarakat. Ia dimulakan dengan pernikahan. Huraikan **TIGA (3)** elemen di bawah yang berhubungan dengan pernikahan dan masyarakat iaitu:

- a) Pertunangan
- b) Akad
- c) Poligami

(3 markah)

(3) Huraikan konsep kebebasan dalam Islam meliputi:

- a) Kebebasan individu
- b) Kebebasan agama
- c) Kebebasan pendapat

d) Kebebasan bekerja dan bergerak

(4 markah)

(4) Huraikan sumber-sumber tamadun Islam.

(5 markah)

(5) Apakah asas-asas pembinaan tamadun Islam? Bincangkan secara terperinci.

(5 markah)

(6) Pembangunan masyarakat ke arah menatijahkan tamadun Islam yang ideal pastinya dilingkari dengan cabaran-cabaran. Jelaskan cabaran-cabaran tersebut.

(4 markah)

[25 Markah]